



**LAPORAN AKHIR PROJEK PELAJAR
JABATAN PERDAGANGAN
DIPLOMA KEWANGAN DAN PERBANKAN ISLAM**

APLIKASI 'EZ FARAID'

KELAS DIB5B (GROUP 3)

NAMA	NO PENDAFTARAN
SITI AISYAH BINTI SYAHRUDDIN	10DIB19F1003
MUHAMMAD AISAR SYAUQI BIN SALLEH	10DIB19F1008
NUR ALIYAH FARHANAH BINTI MOHD ARIFFIN	10DIB19F1031
HAFIZUDDIN IZ'AAN BIN HALI ZAIDI	10DIB19F1041
NUR MASHITAH BINTI HARUN	10DIB19F1066

JABATAN PERDAGANGAN

SESI 1 2021/2022

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKASURAT
PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR	I
PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR	II
PERAKUAN PELAJAR	III
PENGHARGAAN	IV
RINGKASAN EKSEKUTIF	V
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	2
1.2 Latar belakang kajian	3-5
1.3 Pernyataan masalah	6-7
1.3 Objektif kajian	8
1.4 Justifikasi kajian	9
1.6 Skop projek	10
1.7 Takrifan Istilah	11
1.8 Kepentingan Kajian	12
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	13
2.2 Kajian-Kajian Lepas	13-14
2.2.1 Kajian Berkaitan Faraid subjek kajian	15-16
2.2.2 Kajian Berkaitan Keberkesanan Aplikasi Faraid	17-18

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	19
3.2	Rekabentuk Kajian	19
3.2.1	Tinjauan Awal Keperluan Kajian	20-22
3.2.2	Teknik Penghasilan Projek	22-24
3.2.3	Kaedah Analisis Data	25-26

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pendahuluan	27
4.2	Dapatan Kajian/Pengujian	
4.2.1	Projek Jenis Nyata	27-29
4.3	Perbincanga (kelebihan, kekurangan, masalah dihadapi Ketika membangunakan produk)	30
4.3.1	Impak Produk	31
4.4	Kos Penghasilan Projek	32

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	33
5.2	Kesimpulan	33-34
5.3	Cadangan	34-35
5.4	Limitasi Kajian	35
5.5	Rumusan	36

PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus **DPB50163 *Business Project***, Sesi 1 2021/2022 ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar ini sebagai sumber rujukan pada masa hadapan.

Sebagai bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelaras. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya projek ini dirujuk sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui:

Ketua Jabatan

Jabatan Perdagangan

Politeknik Seberang Perai

Jalan Permatang Pauh

13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR

Laporan projek ini yang bertajuk 'EZ Faraid' telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan.

Disemak oleh:



Nama Penyelia: ENCIK AZAHAR BIN MOHAMED

Tandatangan Penyelia:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Nama Penyelia Bersama: DR. KHAIRUL BARIYAH BINTI OTHMAN

Tandatangan Penyelia Bersama:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Disahkan oleh:


Nama Penyelaras: DR. ROHANI BINTI M.M YUSOFF


Tandatangan Penyelaras:


Tarikh: 7 DISEMBER 2021


PERAKUAN PELAJAR


“Kami mengakui bahawa laporan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya.”

1. Tandatangan : 
Nama: SITI AISYAH BINTI SYAHRUDDIN
No. Pendaftaran: 10DIB19F1003

2. Tandatangan: 
Nama: MUHAMMAD AISAR SYAUQI BIN SALLEH
No. Pendaftaran: 10DIB19F1008

3. Tandatangan: 
Nama: NUR ALIYAH FARHANAH BINTI MOHD ARIFFIN
No. Pendaftaran: 10DIB19F1031

4. Tandatangan: 
Nama: HAFIZUDDIN IZ' AAN BIN HALI ZAIDI
No. Pendaftaran: 10DIB19F1041

5. Tandatangan: 
Nama: NUR MASHITAH BINTI HARUN
No. Pendaftaran: 10DIB19F1066

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat kami menyiapkan Laporan Akhir dengan jayanya. Setinggi - tinggi penghargaan dihulurkan kepada semua pihak yang telah melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan, kewangan dan bantuan tenaga yang tidak ternilai bagi menyiapkan Projek Akhir dan Laporan Akhir bagi kursus DPB50163 yang diberi nama Aplikasi Ez Faraid pada sesi 1 2021/2022.

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr Khairul Bariyah Binti Othman selaku penyelia projek dan Encik Azahar Bin Mohamed selaku penyelarass kami yang telah memberi banyak bimbingan serta penerangan yang sempurna dan jelas dari awal projek diberikan sehinggalah proses menyiapkan tugas projek ini. Selain itu, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi kepercayaan sepenuhnya kepada kami dalam menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Akhir sekali, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa kami serta pihak - pihak yang terlibat untuk menyelesaikan tugas kami. Kami berharap agar tugas yang kami lakukan dapat meningkatkan pengetahuan kami dan memberi idea untuk terus menghasilkan produk inovasi yang lebih baik pada masa yang akan datang.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Ilmu mengenai faraid kurang dititikberatkan dalam kalangan pelajar jurusan Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai menyebabkan kurangnya pengetahuan dalam ilmu ini. Hal ini menyebabkan, urusan pembahagian harta faraid di masa hadapan tidak dapat diuruskan dengan sempurna. Oleh itu, pihak pengkaji telah membuat satu aplikasi berkenaan dengan faraid iaitu EZ Faraid. Aplikasi ini dibuat untuk pelajar DIB bagi memudahkan pelajar untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai faraid. Dalam aplikasi ini terdapat pelbagai informasi mengenai faraid. Antaranya ialah pengenalan mengenai faraid, siapakah yang layak menerima harta faraid, cara pengiraan dan pembahagian faraid serta beberapa aktiviti dan maklumat berkenaan faraid. Tercetusnya idea pihak pengkaji untuk membuat aplikasi ini kerana segelintir pelajar DIB tidak mempunyai pengetahuan yang luas mengenai faraid. Dengan adanya aplikasi yang dibuat oleh pihak pengkaji pelajar DIB boleh menggunakan aplikasi ini dimana mana sahaja untuk kegunaan pada masa yang akan datang. Tercetusnya idea pihak pengkaji untuk membuat aplikasi ini kerana segelintir pelajar DIB tidak mempunyai pengetahuan yang luas mengenai faraid. Dengan adanya aplikasi yang dibuat oleh pihak pengkaji pelajar DIB boleh menggunakan aplikasi ini dimana mana sahaja untuk kegunaan pada masa yang akan datang.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Kajian ini secara umumnya adalah penyelidikan bagi menghasilkan aplikasi yang bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai dalam memahami ilmu berkaitan dengan faraid. Ini kerana, pelajar yang mengikuti program ini perlu mengambil subjek perancangan Kewangan Islam terutamanya apabila berkait dengan faraid. Kajian ini juga dijangka dapat mengurangkan masalah yang dihadapi oleh pelajar yang kurang pengetahuan atau kefahaman tentang ilmu faraid.

Selain itu, penyelidikan ini bertujuan untuk membincangkan dan menghasilkan aplikasi mengenai bagaimana pengiraan harta faraid yang lebih tersusun dan jelas kepada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam. Justeru dengan adanya aplikasi ini dapat meningkatkan pengetahuan dan pemahaman dengan lebih jelas, teliti, dan efektif. Di samping itu, kajian dalam penyelidikan ini juga akan membincangkan permasalahan yang timbul dalam mengenalpasti kaedah pembahagian harta faraid serta pengurusan yang lebih terbaik dan tersusun.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Secara umumnya, konsep pengurusan harta pusaka telah banyak dibahaskan di dalam Islam. Namun, masih ramai dalam kalangan masyarakat di Malaysia yang masih kurang berminat untuk membuat perancangan awal dalam membuat persiapan pengagihan harta sebelum mereka meninggal dunia di mana perkara ini boleh menimbulkan banyak permasalahan. Antara permasalahan yang sering berlaku adalah seperti masalah pengagihan harta, perebutan harta dan sebagainya. Masalah ini sering berlaku disebabkan oleh sikap masyarakat Islam yang masih kurang berpengetahuan berkaitan pembahagian harta pusaka.

Seperti yang kita ketahui, isu perebutan harta ini bukanlah satu perkara yang baharu. Isu-isu seperti ini sering berlaku disebabkan oleh kurangnya kesedaran mengenai ilmu faraid. Sebagai contoh, isu artis pelawak yang dikenali sebagai 'Abam Bocey'. Di mana, berlakunya perselisihan faham antara adik beradik dan juga isteri arwah mengenai pembahagian harta faraid. Namun, jika hendak diambil kira isu yang membabitkan artis pelawak ini, sudah jelas bahawa adik beradik tidak mempunyai hak sedikit pun terhadap harta arwah kerana arwah mempunyai seorang anak lelaki.

Oleh itu, perkara ini boleh memberi impak negatif dari sudut kekeluargaan. Hal ini adalah kerana harta pusaka yang tidak diuruskan dengan sebaiknya akan mengundang pelbagai permasalahan lain. Sebagai contoh, kegagalan waris dalam menyelesaikan tuntutan harta pusaka secara baik boleh membawa kepada perpecahan keluarga. Selain itu, terdapat juga isu di mana suami baru sahaja meninggal dunia, tetapi adik-beradik suami sudah mula berebut mengenai harta. Isteri dan anak angkat suami itu pula hanya mampu melihat perebutan harta antara mereka kerana suami tidak membuat sebarang wasiat. Oleh demikian, perancangan dan pengurusan perwarisan harta pusaka seharusnya dilaksanakan dengan teliti dan bijak.

Berikut merupakan hadis yang sahih daripada Abdullah bin Mas'ud r.a. mengenai saranan Rasulullah SAW tentang kepentingan ilmu faraid yang dituntut untuk dipelajari.

Yang bermaksud: *“Pelajarilah faraid dan ajarkanlah ia kepada manusia, pelajarilah al-Quran dan ajarkanlah ia kepada manusia, Sesungguhnya aku adalah manusia yang akan digenggam (diwafatkan) dan sesungguhnya ilmu tersebut akan digenggam (dicabut), dan nanti akan timbul fitnah-fitnah, sehingga nanti apabila dua orang berselisih mengenai pembahagian harta pusaka, tidak ada orang yang dapat menyelesaikan antara kedua-duanya.”* (Riwayat al-Nasa’ie)

Walau bagaimanapun, ilmu faraid ini adalah sangat dituntut untuk dipelajari bagi umat islam kerana ilmu ini merupakan ilmu yang sangat tinggi berbanding dengan ilmu- ilmu lain.

Seperti yang diperkatakan di dalam hadis daripada Abdullah bin Amru r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

“Ilmu itu ada tiga, selainnya adalah lebih sahaja, iaitu ayat Muhkamat (ayat hukum yang tidak dimansuhkan), sunnah yang sahih yang diriwayatkan oleh Rasulullah SAW dan ilmu pembahagian harta pusaka yang adil.” (Riwayat Abu Daud)

Melalui hadis-hadis di atas, Rasulullah SAW sangat menggesa umat Islam untuk mempelajari ilmu faraid dengan betul dan terperinci kerana baginda bimbang akan umatnya yang leka untuk mempelajari ilmu ini selepas kewafatannya.

Menurut istilah syarak, Faraid berasal daripada perkataan arab “fardh” yang bermaksud al-taqdir (ditentukan). Ilmu faraid adalah ilmu pembahagian harta pusaka. Di mana, harta pusaka menurut islam adalah satu pembahagian harta seseorang yang telah meninggal dunia sama ada beliau meninggalkan wasiat ataupun tidak sebelum kematiannya. Oleh itu, harta peninggalannya akan dibahagikan kepada ahli keluarga waris seperti anak, isteri, suami dan waris lain yang berhak.

Di samping itu menurut hukum islam juga, harta yang dibahagikan kepada ahli keluarga waris adalah baki harta yang ditinggalkan setelah selesainya pembiayaan pengurusan jenazah, hutang waris seperti zakat dan wasiat yang dibenarkan oleh syarak. Antara bentuk harta pusaka adalah seperti tanah, bangunan, barang kemas, wang tunai dan binatang ternakan. Terdapat tiga golongan yang berhak untuk mewarisi harta pusaka antaranya Ashab al- Furud, Asabah dan Dhawi al- Arham.

Secara kesimpulannya, dalam kajian ini kepentingan mempelajari ilmu faraid amatlah dititikberatkan sebagai persediaan di masa akan datang. Ilmu faraid amatlah penting kepada masyarakat Islam. Hal ini kerana, apabila ilmu faraid ini dipelajari dan difahami, ia dapat mengelakkan daripada berlakunya pelbagai permasalahan. Bukan itu sahaja, para waris juga dapat bertanggungjawab dalam pengurusan harta pusaka dengan cekap serta dapat mendorong kepada keharmonian dan kesejahteraan keluarga. Oleh itu, dengan adanya aplikasi Ez Faraid diharap dapat memberi kesedaran dan juga ilmu pengetahuan kepada pelajar dan juga masyarakat mengenai ilmu faraid ini.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Isu mengenai ilmu faraid ini bukan sahaja dihadapi oleh orang ramai malah ia juga dihadapi oleh pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam Politeknik juga. Pengetahuan dalam kalangan pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam mengenai isu faraid ini kurang jelas. Isu yang dihadapi oleh pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam ini adalah pelajar sangat sukar untuk memahami dan menghafal mengenai ilmu faraid ni termasuk lah cara pembahagian harta melalui faraid. Di samping itu, hal ini menjadikan pelajar menjadi kurang berminat untuk mendalami dan mempelajari ilmu faraid.

Pengkaji mendapatkan analisis berdasarkan masalah yang dihadapi melalui kajian soal selidik menggunakan *Google Form*. Pengkaji menggunakan platform *Google Form* sebagai inisiatif dalam menjalankan soal selidik kepada 50 orang responden yang terdiri daripada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam.



Rajah 1.0 menunjukkan bahagian yang paling sukar untuk diingati dan difahami dalam kalangan pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam.

Sumber : kajian soal selidik yang dijalankan.

Seterusnya, hasil soal selidik kami mendapati terdapat segelintir pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam yang beranggapan bahawa hanya pihak yang berkuasa sahaja seperti pegawai Jabatan Agama Islam Negeri yg bertanggungjawab dan perlu arif dalam hal-hal berkaitan faraid dan pembahagian harta faraid.



Rajah 1.1 menunjukkan anggapan pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam berkenaan pihak tertentu sahaja yang perlu mempelajari faraid.

Sumber: kajian soal selidik yang dijalankan.

Justeru, kajian ini dilakukan untuk menyelesaikan isu yang dihadapi oleh pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam mengenai masalah yang dihadapi oleh mereka iaitu sukar untuk memahami isu faraid ini.

Oleh demikian, dengan inovasi yang akan dihasilkan daripada kajian ini, ia dapat memudahkan pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam untuk memahami topik faraid ini. ia juga dapat memberi kesedaran kepada semua pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam bahawa betapa pentingnya ilmu faraid pada diri mereka kerana jika mereka tidak memahami ilmu faraid maka siapa lagi yang akan mewarisi ilmu ini untuk dikongsi kepada masyarakat.

1.4 OBJEKTIF PROJEK

Projek ini dijalankan untuk

- 1) Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam mengenai pembahagian harta faraid.
- 2) Mencadangkan satu jalan penyelesaian dalam masalah yang dihadapi oleh pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam tentang ilmu faraid sebagai inovasi dalam kajian ini.

1.5 JUSTIFIKASI KAJIAN

a) Justifikasi pemilihan kaedah analisis SWOT/analisis keperluan dan kegunaan

Berdasarkan pemerhatian pihak pengkaji, sistem Ez Faraid adalah produk inovasi bagi kajian ini, di mana segala ilmu mengenai faraid akan di jelaskan dengan lebih terperinci di dalam sistem ini.

Pemilihan sistem Ez Faraid ini adalah untuk memberi pengetahuan secara terperinci kepada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam mengenai ilmu faraid. Pihak pengkaji bercadang untuk mencipta sistem Ez Faraid yang mana merupakan satu sistem animasi powerpoint yang berkonsepkan nota ringkas yang padat tentang ilmu faraid ini. Pihak pengkaji mendapati bahawa sistem ini adalah praktikal kerana nota yang berasaskan animasi akan menarik perhatian pelajar untuk lebih fokus.

Sistem ini akan dirangkumi dari pelbagai aspek atau subtopik penting seperti pengenalan mengenai faraid, siapa yang layak menerima harta faraid, nisbah pembahagian harta faraid dan juga cara pengiraannya. Pihak pengkaji menggunakan kaedah analisis SWOT untuk diterapkan dalam kajian ini.

Tujuan pihak pengkaji memilih kaedah ini adalah menjadikan kajian ini lebih kukuh. Maka, pihak pengkaji menggunakan analisis SWOT untuk mengenal pasti masalah yang berkaitan mengenai kurangnya pengetahuan ilmu faraid dalam kalangan pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam. Dengan wujudnya sistem ini, pihak pengkaji berharap dapat memberi pengetahuan yang tepat kepada pelajar tentang ilmu faraid agar masalah pengurusan harta dapat di kurangkan di masa akan datang.

1.6 SKOP PROJEK

Kajian ini secara umumnya tertumpu kepada pelajar dalam bidang Diploma Kewangan dan Perbankan Islam bagi membincangkan tentang pengurusan faraid. Secara khususnya, kajian ini berfokus kepada tiga objektif utama. Pertama, Mengenal pasti kaedah yang betul dan lebih terperinci dalam pengagihan harta pusaka (faraid) bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan dalam pembahagian harta pusaka. Kedua, memastikan pemahaman yang betul dalam pengurusan harta faraid. Analisis ini juga bertujuan untuk menjawab objektif kedua iaitu mencadangkan satu jalan penyelesaian dalam masalah pembahagian harta pusaka sebagai inovasi dalam kajian ini.

Walau bagaimanapun, dalam proses menjalankan kajian ini, ia dibataskan kepada dua aspek iaitu batasan subjek kajian dan batasan analisis. Batasan subjek kajian merujuk kepada perbincangan dan analisis yang merangkumi isu faraid iaitu kurangnya pengetahuan dalam pengurusan faraid. Manakala batasan analisis merujuk kepada kajian ini dengan menggunakan analisis SWOT bagi mencapai objektif kajian.

1.7 TAKRIFAN ISTILAH

- 1.7.1 Menurut artikel daripada Jurnal Perniagaan Global dan Keusahawanan Sosial berkenaan artikel amalan pembahagian *faraid* di Malaysia, *faraid* ialah kaedah pembahagian harta pusaka di mana pembahagian ini telah ditentukan dari sudut waris dan haknya. *Faraid* juga turut memberi hak kepada waris-waris perempuan dan ibu di mana sebelum kedatangan Islam, hak-hak mereka dinafikan. (Abdullah, Mohd Radzi, Johari, Dastgir, 2014; Sulong, 2015).
- 1.7.2 Menurut artikel daripada Jurnal Penyelidikan dan Pembangunan Saintifik berkenaan persepsi terhadap perancangan tentang *waqf*, *wasiyyah* dan *faraid* dalam pengagihan harta mengikut Islam di Malaysia, *faraid* juga dapat didefinisikan sebagai pembahagian harta pusaka selepas kematian seorang Muslim yang telah ditetapkan di bawah syariat Islam ke atas waris yang sah dan berhak. (Wahbah Zuhaili, 1985; Mustapha Al-Khin, Mustapha Al-Bugha and Ali Al-Syarbaji, 2009).

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

a) Kepentingan kajian kepada pelajar Diploma Kewangan Perbankan Islam Politeknik Seberang Perai.

Kepentingan kajian difokuskan kepada pihak utama iaitu pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai. Ia bagi membantu para pelajar dalam meningkatkan ilmu pengetahuan berkenaan ilmu faraid serta memahirkan pelajar dalam pengiraan faraid mengikut nisbah yang ditetapkan.

b) Kepentingan kajian kepada orang ramai.

Kepentingan kedua adalah kepada orang ramai. Antara manfaat yang diperoleh daripada kajian yang dijalankan oleh pengkaji ialah dapat memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan faraid, cara pengiraan faraid dan hak - hak pewaris yang layak menerima harta faraid. Sekali gus ia juga dapat mengukuhkan institusi masyarakat yang lebih berpengetahuan dan masyarakat yang mengambil tahu tentang ilmu faraid.

c) Kepentingan kajian kepada pengkaji akan datang.

Kepentingan ketiga adalah kepada pengkaji akan datang iaitu pengkaji akan datang dapat menjadikan produk inovasi sebagai rujukan untuk ditambah baik dan sekali gus dapat melahirkan idea-idea yang kreatif dan inovasi dalam menjalankan kajian di masa hadapan.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini bertujuan membincangkan kajian-kajian lepas dan karya-karya terdahulu yang bersangkutan paut dengan topik kajian ini, iaitu Faraid Carian terhadap kajian dilakukan terhadap bahan literatur merangkumi artikel, jurnal, tesis, dan buku-buku berkaitan kajian.

2.2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Bahagian ini membincangkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu.

Berdasarkan tinjauan penyelidikan, terdapat pelbagai bentuk kajian terdahulu berkaitan Faraid. Kajian oleh Mohd Arafat Jaafar (2017) menyatakan harta merupakan pemberian yang dikurniakan oleh Allah SWT untuk sekalian umat manusia di dunia ini sebagai wasilah untuk beribadah kepadanya, seterusnya mengukuhkan dan memantapkan keimanan bagi mendapatkan keredhaanya. Namun harta juga merupakan punca kepada pertikaian dan perpecahan sesama manusia. Justeru, jika berlaku pertikaian berkaitan harta maka tanggungjawab ini harus diserahkan kepada mahkamah yang mempunyai kuasa membicarakan dan memutuskan sesuatu pertikaian demi memastikan keadilan tercapai dan hak pihak-pihak yang terlibat terpelihara setelah tiada jalan perdamaian dan penyelesaian yang dapat dibuat antara mereka.

Selain itu, menurut Abdul Nasir Zulkifli, Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia,(2018) terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada tidak menuntut harta dengan betul ini antaranya ialah perselisihan

keluarga, waris yang sah tidak dapat ditemui dan waris tidak mengetahui harta tersebut. Selalunya perselisihan keluarga berlaku apabila pengagihan kekayaan tidak dilakukan dengan betul. Hukum pewarisan faraid telah ditakrifkan sebagai ilmu yang berkaitan dengan hukum yang berkaitan dengan ibadat berdasarkan syariah dalam menghormati kekayaan seseorang selepas kepastian kematiannya atau pada andaian kematiannya. Apabila orang Islam meninggal dunia, harta si mati perlu dibahagikan kepada ahli waris yang sah dan pembahagiannya serta perlu dilakukan segera dan mengikut pembahagian faraid.

Seterusnya, menurut Ahmad Razimi dan Mohd Shahril, Konsep Undang-undang Pusaka Islam (Faraid) di Malaysia: Isu dan Cabaran (2016) faraid berperanan dalam menguruskan pembahagian harta pusaka tetapi pengagihan harta dengan cara ini boleh membawa kepada masalah tertentu jika tidak ditadbir dengan betul dan tidak difahami dengan betul. Ini kerana masalah tunggakan harta pusaka boleh membawa implikasi buruk dari sudut ekonomi, undang-undang, agama dan hubungan sosial. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan isu dan masalah yang timbul dalam perjalanan pembahagian harta pusaka menggunakan sistem faraid.

Selanjutnya, menurut Harini Binti Harani, Sistem berkesan Faraid menggunakan berasaskan peraturan, Universiti Sains Malaysia (2019) faraid adalah salah satu cara untuk mengagihkan harta pusaka kepada waris yang masih hidup dan bergantung kepada syarat yang ditetapkan. Ia memerlukan beberapa syarat untuk pembahagian harta benda. Keperluan ini sangat penting untuk menentukan jumlah wang waris yang masih hidup akan menerima. Oleh itu, masalah ini perlu diselesaikan kerana waris akan menghadapi beberapa kesulitan seperti ilmu, masa dan tenaga untuk membuatnya pengiraan faraid.

Akhir sekali, menurut Dr Rusnadewi Abdul Rashid dan Prof Madya Noor Inaayah Yaakub Masalah Kegagalan dan Kelewatan Pengagihan Harta Pusaka di Malaysia (2015) berkata faktor yang menyumbang kepada permasalahan ini adalah berikutan daripada sikap pewaris serta proses pentadbiran harta pusaka di negara ini. Risiko kepada kegagalan penyelesaian harta pusaka yang dikemukakan ini sebenarnya boleh mengundang pelbagai implikasi buruk dari sudut undang-undang, ekonomi, agama dan sosial. Perancangan pengagihan harta semasa hidup seperti pemberian melalui hibah dan wasiat perlu dipertingkatkan bagi mengelakkan masalah tersebut kerana ia jelas merugikan masyarakat islam.

2.2.1 Kajian Berkaitan *Faraid* subjek kajian

Terdapat lima kajian berkenaan *faraid* yang ditemui oleh penyelidik. Kajian oleh Sulong, Amalan pembahagian *faraid* di Malaysia, (2015) menyatakan *faraid* adalah pembahagian pusaka yang ditentukan dari sudut waris dan haknya. *Faraid* turut memberi hak kepada waris-waris perempuan dan ibu dimana, hak-hak mereka sebelum kedatangan Islam. Pembahagian *faraid* telah di perincikan berdasarkan firman Allah S.W.T dalam surah An Nisa ayat 11 dan 12. Berdasarkan huraian ayat 11 dan 12 menyatakan bahawa bilangan bahagian *faraid* mesti mengikut situasi atau keadaan yang telah Allah S.W.T tetapkan.

Selain itu, kajian oleh Muhamad Husni Hasbullah, Mohd Zaidi Daud; Perancangan Pembahagian Harta Semasa Hidup dalam Islam: Konsep dan Kepentingannya, KUIS (2015) menyatakan pengurusan dan pengagihan harta berkonsepkan Islam tertumpu kepada isu penyelesaian harta, wasiat si mati dan ini menunjukkan bahawa ilmu *faraid* sangat penting untuk belajar. Jika dilihat ilmu *faraid* sudah diabaikan atau tidak mengambil berat oleh masyarakat malah dalam pendidikan juga semakin di pinggirkan samada peringkat rendah atau tinggi. Oleh itu, semua individu wajib ambil tahu asas dalam pengurusan harta pusaka khususnya kepada mereka yang beragama Islam.

Seterusnya, menurut Suraya Binti Ahmad, Pengurusan Pusaka Harta: Isu Harta Yang Tidak Dituntut, Universiti Islam Sains Malaysia (2016) *faraid* merupakan hal-hal berkaitan harta pusaka yang tidak terlalu didedahkan secara meluas kepada masyarakat seperti hal-hal lain. Kesannya, ia akan menyebabkan kurang maklumat dan pengetahuan yang mendalam tentang proses pembahagian harta pusaka samada dari segi hukum atau undang-undang. Ini akan menyebabkan berlakunya tentang bagaimana untuk memulakan proses tuntutan harta pusaka. Sikap tidak ambil peduli hal tersebut dan kekurangan ilmu pengetahuan ia akan menyebabkan mudahnya ditipu serta mudah diambil kesempatan.

Selanjutnya, menurut Kamarudin dan Nor Muhamad, Hukum harta Faraid (2018) menyatakan perancangan harta pusaka Islam merupakan salah satu elemen asas dalam pengurusan dan perancangan kekayaan. Pengagihan atau pembahagian harta faraid yang baik mampu memberi pengurusan kepada kekayaan yang adil mengikut apa yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. Dalam hal ia dapat memberi kaedah pembahagian harta faraid dengan sempurna dan tersusun tanpa berlaku sebarang isu yang timbul seperti kurangnya ilmu tentang pembahagian harta pusaka.

Akhir sekali, menurut kajian oleh Wan Suraya Wan Husin, Wan Shahzlinda Shah Shahr, Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan, Faktor-faktor yang mempengaruhi harta pusaka beku di Malaysia (2016) mengatakan bahawa masalah harta pusaka beku semakin kronik di Malaysia kerana jumlah harta pusaka beku yang semakin meningkat dari tahun ke tahun. Fenomena ini menimbulkan pelbagai isu dan menjadi permasalahan yang semakin kritikal serta amat sukar untuk diselesaikan. Umat Islam seringkali membuat pelbagai andaian tidak tepat mengenai konsep pengurusan harta pusaka. Kelalaian dalam menguruskan harta akan memberikan impak kepada perkembangan ekonomi negara kerana harta tersebut beku dan tidak dapat digunakan dengan sewajarnya.

2.2.2 Kajian Berkaitan Keberkesanan Aplikasi Faraid

Setakat tinjauan penyelidik, terdapat lima kajian inovasi yang ditemui oleh penyelidik. Kajian pertama oleh Zahari Mahad Musa, Mushaddad Hasbullah, Mohamad Zaharuddin Zakaria, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), *Celik Faraid: Pembelajaran Faraid Dalam Norma Baharu* (2020). Hasil daripada projek inovasi ini seramai 10 responden mendapati bahawa penggunaan saluran “Celik Faraid” dapat memperkasakan ilmu faraid sebagai suatu ilmu sepanjang hayat untuk diketahui oleh semua lapisan masyarakat. Selain daripada itu, pendekatan ini membawa banyak perubahan dan menggamit perhatian oleh para pelajar yang mengikuti kursus fiqh al-mawarith (undang-undang harta pusaka Islam). Pendekatan “Celik Faraid” menjadikan pembelajaran ilmu faraid sesuatu yang menyeronokkan dengan penggunaan teknologi semasa.

Seterusnya, kajian oleh M. Agus Saifuddin, Program Pengajian Kejuruteraan Maklumat Fakulti Sains Dan Teknologi Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta (2011). Projek bertajuk “Reka Bentuk dan Pembangunan Aplikasi Pembelajaran Sains Faraid Berasaskan Multimedia (Kajian Kes MA Tarbiyatut Tholabah)”. Daripada hasil pengedaran borang soal selidik dan percubaan aplikasi kepada 30 orang responden yang terdiri daripada pelajar MA. Tarbiyatut Tholabah merumuskan bahawa aplikasi ini berkesan dan diperlukan oleh pelajar sebagai alat dalam mempelajari mata pelajaran Faraid.

Selain itu, kajian daripada Azahari Mahad Musa, Azman Ab Rahman, Adibah Abdul Wahab, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM): *Inovasi Gamifikasi Global Zakat Game (GZG)*, (2017). Hasil kajian daripada 10 responden mendapati bahawa Gamifikasi GZG mampu memotivasikan pelajar untuk terus aktif dalam kelas, membantu guru menyediakan bahan pengajaran, mewujudkan medium penghargaan kepada pelajar serta menarik perhatian mereka supaya lebih fokus dan maju dalam pelajaran

Selanjutnya, kajian oleh Prof. Madya Dr. Azman Ab Rahman: *Produk ‘Global Faraid Game’* (2018) produk inovasi ini telah memenangi pingat emas dalam 29th International Invention,

Innovation & Technology Exhibition (ITEX 18). Hasil daripada kajian, 'Global Faraid Game' ini membantu dan memudahkan masyarakat mempelajari ilmu faraid dengan konsep gamifikasi dan didik hibur yang lebih interaktif lagi efisien.

Akhir sekali, kajian oleh Diki Wahyudi¹, Farhan Haq², Reza Budiawan (2020), Program Pengajian Kejuruteraan Perisian Aplikasi, Fakulti Sains Gunaan, Universiti Telkom Jl. Telekomunikasi: Aplikasi "FAR- AID" (2020). Berdasarkan keputusan ujian yang dilakukan, secara umumnya data telah dihasilkan dengan menjalankan ujian kebolegunaan, purata yang diperolehi daripada soal selidik adalah sekitar 94.32% menjawab dengan sangat baik tentang aplikasi FAR-AID. Aplikasi ini yang dinyatakan untuk membantu proses pembelajaran, memberi kemudahan dan kefahaman tentang ilmu mengenai harta pusaka menurut syarak khususnya bagi pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah. Berdasarkan ujian aplikasi FAR-AID dan kajian yang telah dijalankan ke atas pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah, aplikasi FAR-AID boleh dikatakan sangat bagus kerana hasil penyelidikan menunjukkan melebihi 90%.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan menerangkan secara lebih mendalam tentang maklumat penghasilan aplikasi sekaligus berkenaan dengan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini.


3.2 REKABENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah perancangan atau pelan tindakan secara sistematik yang menentukan cara sesuatu penyelidikan dilakukan. Kajian yang dilakukan oleh penyelidik ini menggunakan reka bentuk projek jenis nyata (berdasarkan produk/inovasi) dan data dikumpulkan dalam bentuk kualitatif (pembangunan produk) dan kuantitatif (soal selidik). Selain itu, tinjauan awal (*survey*) juga dijalankan di peringkat awal kajian bertujuan untuk melakukan tinjauan awal terhadap keperluan kajian ini dilakukan dan kesesuaian produk inovasi yang dihasilkan. Seterusnya, analisis keberkesanan turut dilakukan bagi mendapatkan maklum balas keberkesanan produk inovasi yang telah dihasilkan. Kedua-dua tinjauan awal keperluan dan keberkesanan kajian adalah menggunakan kaedah kuantitatif bagi mengumpul data.


3.2.1 Kaedah Tinjauan Awal Keperluan Kajian dan Produk Inovasi

Kaedah tinjauan keperluan kajian dijalankan di peringkat awal bagi mengenal pasti isu kajian dan produk inovasi yang dihasilkan sama ada memenuhi keperluan dan spesifikasi pengguna. Tinjauan awal dijalankan ke atas 60 orang responden. Pengumpulan data dilakukan melalui soal selidik. Berikut adalah dapatan analisis tinjauan keperluan yang dilakukan oleh pengkaji.

Responden ini merupakan seorang pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam. Responden ini terdiri daripada 15 orang pelajar lelaki dan 45 orang pelajar perempuan. Responden ini juga terdiri daripada 6 orang pelajar semester 1, 5 orang pelajar semester 2 dan semester 3, 7 orang pelajar semester 4, 35 orang pelajar semester 5 dan 2 orang pelajar semester 6.



Rajah 1.1 Jantina responden



Rajah 1.2 Semester Responden

Soal selidik yang diedarkan kepada pelajar adalah untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam Politeknik. Hasil dapatan daripada soal selidik yang dijalankan adalah seperti jadual dibawah.

Jadual 1.1 Data soal selidik tentang pengetahuan ilmu faraid

Bil.	Item soalan	Data soal selidik
1.	Adakah anda faham tentang ilmu faraid?	Ya – 81.7% Tidak – 18.3%
2.	Bahagian manakah yang paling sukar untuk diingati dan difahami?	Waris yang layak untuk mendapat faraid – 15% Nisbah pembahagian faraid – 33.3% Cara pengiraan faraid – 48.3% Semua diatas – 3.3%
3.	Adakah anda menghafal ahli waris yang layak mendapat faraid dan nisbahnya	Ya – 25% Tidak – 75%
4.	Adakah anda beranggapan hanya pihak tertentu sahaja yang perlu mempelajari ilmu faraid?	Ya – 21.7% Tidak – 78.3%
5.	Adakah anda berminat untuk mempelajari ilmu faraid?	Sangat berminat – 53.3% Berminat – 36.7% Tidak pasti – 8.3% Tidak berminat – 1.7% Sangat tidak berminat – 0%

Kami mendapati sebanyak 81.7% pelajar Diploma Kewangan dan perbankan Islam yang faham tentang ilmu faraid, manakala sebanyak 18.3% yang tidak memahami tentang ilmu faraid. Selain itu, majoriti pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam yang mengatakan cara pengiraan faraid merupakan bahagian yang paling sukar diingati dan difahami iaitu sebanyak 48.3% responden. Manakala sebanyak 33.3% responden mengatakan nisbah pembahagian faraid yang paling sukar diingati dan difahami dan ada juga pelajar mengatakan waris yang

layak mendapat faraid merupakan bahagian yang paling sukar sukar difahami dan diingati iaitu sebanyak 15% responden. Seterusnya, kebanyakan pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam yang tidak menghafal ahli waris yang layak mendapat faraid dan nisbahnya isitu sebanyak 75% responden dan hanya 25% responden sahaja yang menghafal. Di samping itu, sebanyak 21.7% responden yang beranggapan bahawa hanya pihak tertentu sahaja yang perlu mempelajari ilmu faraid. Akhir sekali, kami mendapati bahawa majoriti pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam yang masih berminat untuk mempelajari ilmu faraid ini.

3.2.2 Kaedah/Prosedur Teknik Penghasilan Projek

Proses pembangunan produk ialah suatu proses yang dilakukan untuk mengekalkan kebolegunaan produk dalam suatu jangka masa yang lama. Selain itu, produk juga harus seiring dan setanding dengan perkembangan era teknologi pada masa kini. Tambahan pula, fasa ini juga melibatkan aplikasi atas talian dan perkakasan yang perlu diambil kira bagi menghasilkan suatu sistem yang mampu menarik minat pengguna untuk menggunakannya. Justeru itu, fasa reka bentuk merupakan fasa untuk merangka reka bentuk produk inovasi aplikasi EZ Faraid.

Langkah 1

Langkah pertama pembangunan produk inovasi ini adalah dimulakan dengan perbincangan kandungan bersama ahli kumpulan.



Rajah 3.1: Perbincangan kandungan bersama ahli kumpulan

Penerangan proses di dalam gambar adalah perbincangan kajian keperluan pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam tentang permasalahan yang timbul dalam pembelajaran berkaitan faraid supaya produk inovasi yang dihasilkan bersesuaian.

Langkah 2

Pengkaji membuat perbincangan bagi mencari dan menjana idea untuk idea tersebut di tapis atau dipilih.



Rajah 3.2: Perbincangan bagi mencari dan menjana idea yang bersesuaian

Penerangan proses bagi gambar di rajah adalah berkaitan penjanaan dan penapisan idea bagi mengenalpasti dan memilih idea yang terbaik serta menolak idea yang tidak bersesuaian bagi menghasilkan produk inovasi yang berkualiti.

Langkah 3

Pengkaji melakukan proses penghuraian konsep produk inovasi secara terperinci tentang faraid.

Penerangan proses ini merujuk kepada konsep produk inovasi iaitu penghuraian secara terperinci dalam konteks yang lebih mudah difahami oleh pelajar tentang ilmu dan pembahagian harta faraid.

Langkah 4

Setelah langkah ke-3 siap dilakukan, pengkaji melakukan proses penghasilan produk inovasi iaitu aplikasi EZ Faraid.

Penerangan proses penghasilan produk inovasi (EZ Faraid) adalah menggunakan microsoft powerpoint yang menjadi asas utama kepada produk inovasi ini. Dalam microsoft powerpoint ia mengandungi nota atau pengenalan tentang faraid dan juga permainan animasi. Hyperlink sebagai pengantara pada bahagian pengiraan pembahagian harta faraid. Pengkaji menggunakan microsoft excel bagi menghasilkan cara pengiraan pembahagian harta faraid.

Langkah 5

Setelah langkah ke- 4 siap dilakukan proses pengujian atau penambahbaikan akan dijalankan.

Penerangan bagi proses ini adalah pengujian produk inovasi (EZ Faraid) yang dihasilkan akan dibuat penambahbaikan dari segi kelemahan yang timbul dalam memastikan inovasi yang dihasilkan dapat memberi manfaat kepada pelajar.

Langkah 6

Langkah terakhir, pengkaji membuat penyediaan untuk produk inovasi aplikasi EZ Faraid yang lengkap.



Rajah 3.3: Produk inovasi EZ Faraid

Penerangan untuk proses yang terakhir ini adalah penyediaan produk inovasi yang telah lengkap dan siap untuk dipersembahkan mengikut keperluan kajian ini.

3.2.2 Bahan dan Peralatan

Pengkaji telah menggunakan bahan dan peralatan untuk membangunkan aplikasi EZ Faraid seperti jadual di bawah:

Bil	Perkara	Fungsi
1.	Komputer peribadi	Digunakan bertujuan bagi melakukan proses-proses pembangunan sistem pangkalan data
2.	Telefon peribadi	Digunakan untuk pencarian maklumat berkaitan produk inovasi.
3.	Wifi (internet/data)	Digunakan bertujuan untuk mengakses ke internet dalam pencarian maklumat dan data.

3.2.3 Kaedah Analisis Data

Kaedah analisis data adalah tahap proses penyelidikan di mana data yang telah dikumpulkan dapat diproses dan mencapai objektif kajian. Dalam kajian ini, data-data yang di kumpul dianalisis menggunakan analisis SWOT (*strengths, weaknesses, opportunities, threats*).

SWOT adalah penyusunan kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman terhadap pembangunan produk yang dijalankan. Di mana para pengkaji mengimplimentasikan analisis SWOT ini dalam menjalankan kajian ini. SWOT adalah singkatan daripada *strengths, weaknesses, opportunities, threats*. Menurut Rangkuti dan Freddy (2000), analisis SWOT adalah satu proses mengenalpasti faktor luaran dan faktor dalaman yang mempengaruhi sesuatu tindakan atau pelaksanaan suatu strategi yang akan dilakukan oleh sesebuah organisasi dalam mencapai matlamat, visi dan misi organisasi.

Tambahan pula, dengan menggunakan analisis SWOT ini ia dapat membantu pengkaji dalam mengenal pasti kecekapan teras ketika membangunkan produk. Selain itu, analisis SWOT ini membolehkan para pengkaji mengenal pasti daya yang mempengaruhi strategi, tindakan, dan inisiatif serta membantu pengkaji mengetahui unsur-unsur positif dan negatif yang dapat membantu pembangunan produk dengan lebih berkesan. Oleh yang demikian, para pengkaji telah bersepakat untuk mengimplementasikan kaedah analisis SWOT dalam pembangunan produk ini.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai hasil dapatan kajian/pengujian, perbincangan kebersanan serta analisis SWOT berkaitan dengan kajian produk inovasi aplikasi EZ Faraid. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan produk yang dijalankan setelah inovasi dihasilkan.

4.2 DAPATAN KAJIAN/PENGUJIAN

4.2.1 Projek Jenis Nyata

Produk kami iaitu aplikasi EZ Faraid merupakan produk jenis nyata.

a) Analisis SWOT

Antara kekuatan aplikasi EZ Faraid ialah mengandungi nota-nota yang ringkas dan padat berkaitan ilmu faraid untuk menjadi rujukan kepada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam. Selain itu, kekuatan aplikasi EZ Faraid ialah menghimpunkan semua maklumat termasuk cara pengiraan dalam satu aplikasi. Hal ini akan memudahkan para pelajar Diploma Kewangan Islam untuk mendapatkan semua maklumat tentang faraid. Disamping itu, aplikasi EZ Faraid dapat dilayari tanpa memerlukan rangkaian internet sekali gus ia membolehkan para pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam menggunakan aplikasi EZ Faraid di mana jua mereka berada. Akhir sekali, di dalam aplikasi EZ Faraid ada latihan pengukuhan yang menarik dengan menggunakan elemen animasi untuk para pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam menguji tahap kefahaman mereka tentang faraid.

Seterusnya, antara kelemahan aplikasi EZ Faraid ialah paparan pelajar untuk melayari aplikasi EZ Faraid menjadi terhad apabila pelajar menggunakan telefon pintar. Hal ini kerana paparan skrin pada telefon pintar sangat kecil berbanding paparan skrin pada

komputer riba. Untuk mendapatkan paparan yang terbaik para pelajar disarankan menggunakan komputer riba. Selain itu, cara pengiraan harta faraid yang diberikan adalah terlalu asas. Hal ini menyebabkan para pelajar hanya fokus pada contoh situasi yang diberikan sahaja.

Antara peluang aplikasi EZ faraid pula ialah dapat menarik perhatian pelajar untuk mempelajari ilmu faraid. Hal ini kerana nota dalam aplikasi EZ Faraid berbentuk animasi dan berwarna warni. Selain itu, pembelajaran pelajar lebih efektif kerana aplikasi EZ Faraid mempunyai elemen-elemen yang menyeronokkan dan kreatif. Disamping itu, aplikasi EZ Faraid juga dapat memupuk sifat ingin tahu dalam diri setiap pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam menggunakan animasi grafik.

Akhir sekali, antara Ancaman aplikasi EZ Faraid ialah mempunyai persaingan yang tinggi kerana terdapat aplikasi lain yang lebih berteknologi tinggi serta sikap segelintir pelajar yang mengambil ringan dan kurang minat untuk mengambil tahu tentang pengurusan faraid.

b) Analisis Keberkesanan Produk

Analisis keberkesanan produk dijalankan setelah produk inovasi dihasilkan. Soal selidik telah diedarkan kepada seramai 20 responden. Sebanyak 10 item telah diajukan kepada responden bagi mendapatkan maklum balas tentang keberkesanan aplikasi EZ Faraid. Responden merupakan pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam dari semester 1 hingga semester 5.

Jadual 4.1: Dapatan analisis keberkesanan aplikasi EZ Faraid

Bil	Item soalan	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
1	Saiz dan bentuk tulisan yang digunakan jelas dan menarik	0 0%	1 5%	7 35%	12 60%
2	Warna dan tema yang digunakan sangat menarik`	0 0%	2 10%	3 15%	15 75%
3	Isi-isi yang diberikan sangat padat	0 0%	0 0%	5 25%	15 75%

4	Ayat yang digunakan mudah untuk difahami	0 0%	0 0%	6 30%	14 70%
5	Aplikasi EZ Faraid dapat menambahkan pengetahuan saya tentang faraid	0 0%	1 5%	3 15%	16 80%
6	Aplikasi EZ Faraid mudah diakses / dilayari	0 0%	1 5%	5 25%	14 70%
7	Aplikasi EZ Faraid dapat meningkatkan kesedaran saya tentang faraid	0 0%	0 0%	4 20%	16 80%
8	Aplikasi EZ Faraid dapat dijadikan bahan rujukan saya	0 0%	0 0%	3 15%	17 85%
9	Isi-isi dalam aplikasi EZ Faraid dapat diimplementasikan dalam kehidupan seharian saya	0 0%	1 5%	5 25%	14 70%
10	Rumus / cara pengiraan dalam aplikasi EZ Faraid ringkas dan mudah difahami	0 0%	0 0%	5 25%	15 75%

Hasil daripada maklum balas responden, kami mendapati bahawa sebanyak 12 orang responden bersamaan dengan 60% responden sangat bersetuju bahawa saiz dan bentuk tulisan yang digunakan jelas dan menarik. Seterusnya, sebanyak 2 orang responden bersamaan 10% yang tidak setuju dengan warna dan tema yang digunakan sangat menarik. Tambahan pula, terdapat 15 orang responden yang sangat setuju bahawa isi-isi yang diberikan sangat padat. Manakala, terdapat 14 orang responden yang sangat bersetuju bahawa ayat yang digunakan didalam aplikasi EZ Faraid mudah difahami.

Sehubungan dengan itu, terdapat juga seorang responden yang tidak setuju bahawa aplikasi EZ Faraid dapat menambahkan pengetahuan saya tentang faraid dan 14 orang responden sangat setuju bahawa aplikasi EZ Faraid mudah diakses. Disamping itu, seramai 16 orang responden yang sangat bersetuju bahawa aplikasi EZ Faraid ini dapat menambahkan kesedaran mereka tentang isu faraid dan seramai 17 orang responden yang sangat bersetuju bahawa aplikasi EZ Faraid ini boleh dijadikan bahan rujukan mereka. Jika ditinjau dari aspek cara pengiraan pula, seramai 15 orang responden sangat setuju bahawa cara pengiraan dalam aplikasi EZ Faraid ini ringkas dan mudah difahami. Akhir sekali, seramai 14 orang responden sangat bersetuju

bahawa isi-isi dalam aplikasi EZ Faraid dapat diimplementasikan dalam kehidupan seharian mereka.

4.3 PERBINCANGAN (KELEBIHAN, KEKURANGAN, MASALAH YANG DIHADAPAI KETIKA MEMBANGUNKAN PRODUK)

Kelebihan aplikasi EZ Faraid ini dibina adalah untuk memudahkan pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) Politeknik Seberang Perai dalam mencari nota-nota berkaitan faraid. Aplikasi ini menghimpunkan semua maklumat berkaitan faraid termasuk cara pengiraan di dalam satu aplikasi. Aplikasi ini juga dapat dilayari tanpa memerlukan rangkaian internet kerana aplikasi ini hanya menggunakan sistem animasi power point di mana pelajar hanya memerlukan “software microsoft” yang mana kebanyakan komputer sudah tersedia ada sistem power point ini. Selain itu, di dalam aplikasi ini, pihak pengkaji menyediakan latihan pengukuhan yang menarik dengan menggunakan elemen animasi untuk mengukuhkan lagi tahap pengetahuan pelajar mengenai faraid. Oleh itu, pihak pengkaji mendapati keberkesanan aplikasi EZ Faraid ini bukan hanya dapat mengurangkan masa pelajar, malah dapat menjimatkan tenaga pelajar dalam pencarian maklumat berkenaan faraid.

Seterusnya, kelemahan yang terdapat di dalam aplikasi EZ Faraid ini di mana aplikasi ini menjadi terhad untuk paparan pelajar kerana memerlukan komputer riba untuk mendapatkan paparan yang baik. Hal ini kerana, terdapat segelintir pelajar yang tidak mempunyai komputer riba sendiri. Bukan itu sahaja, melalui penilaian responden, pengkaji juga mendapati bahawa cara pengiraan pengagihan harta faraid adalah terhad kerana ianya hanya berdasarkan situasi yang disediakan. Kelemahan ini akan menyebabkan beberapa permasalahan kecil terhadap kegunaan pelajar.

Selain itu, terdapat juga beberapa masalah mengenai pembangunan aplikasi EZ Faraid ini di mana aplikasi ini tidak dapat bertahan dalam jangka masa panjang kerana aplikasi yang sudah dibina terlebih dahulu daripada pihak lain yang lebih berteknologi tinggi dan moden seperti sistem sesawang E-FARAID. Selain itu, aplikasi EZ Faraid ini perlu digunakan dengan hemah dan berhati hati, kerana jika aplikasi ini akan menjadi “lag”, ia akan memberi kesan penggunaan kepada keseluruhan aplikasi ini.

4.3.1 IMPAK PRODUK

a) Impak Produk Terhadap Kos

Impak produk terhadap kos ialah dapat menjimatkan kos Pelajar DIB. Hal ini kerana pelajar tidak perlu membelanjakan wang untuk membeli buku, jurnal atau nota-nota yang lain yang berkaitan dengan faraid.

b) Impak Produk Terhadap Masa

Impak produk terhadap masa pula ialah dapat menjimatkan masa pelajar DIB kerana pengkaji menyediakan nota-nota yang ringkas dan padat untuk pelajar mudah memahami tentang topik faraid. Hal ini dapat dibuktikan apabila pelajar tidak perlu untuk meluangkan masa yang lama dengan mencari info di dalam buku teks sebaliknya menggunakan produk EZ Faraid ini untuk mendapatkan info yang diperlukan berkaitan Faraid.

c) Impak Terhadap Keberkesanan Penggunaan Produk

Keberkesanan penggunaan sistem EZ Faraid dapat dilihat dari segi memudahkan banyak pihak seperti dari pihak pelajar. Hal ini kerana produk EZ Faraid ini amat mudah digunakan dan dikendalikan di mana jua. Selain itu, produk ini juga memudahkan para pelajar DIB untuk mendapatkan info tentang ilmu faraid dengan cepat dan ringkas. Di samping itu, produk ini juga dapat menarik perhatian pelajar kerana ia mengandungi elemen grafik yang kreatif dan menarik. Tambahan pula, produk ini boleh dilayari tanpa memerlukan rangkaian internet.

4.4 KOS PENGHASILAN PROJEK

Kos penghasilan projek diambil kira berdasarkan kepada setiap bahan-bahan yang diperlukan di dalam proses penghasilan produk inovasi (EZ Faraid).

Jadual 4.3:

BIL.	BUTIRAN	KOS (RM)
1-	Wifi (internet/data)	RM50.00

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan hasil kajian produk inovasi aplikasi EZ Faraid yang telah dibangunkan bagi menyelesaikan isu kurangnya pengetahuan tentang faraid. Bab ini merangkumi kesimpulan daripada keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT yang telah dilakukan untuk menentukan kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang produk. Selain itu analisis kajian keberkesanan juga digunakan bagi menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini.

5.2 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan berkenaan ilmu dan pembahagian harta faraid, pengkaji menyatakan objektif kajian ini tercapai. Hasil ini dapat dilihat berdasarkan responden.

Dalam proses semasa membangunkan produk inovasi, pengkaji melakukan proses penghuraian konsep produk inovasi secara terperinci tentang faraid. Penerangan proses ini merujuk kepada konsep produk inovasi iaitu penghuraian secara terperinci dalam konteks yang lebih mudah difahami kepada pelajar tentang ilmu dan pembahagian harta faraid. Selain itu, pengkaji melakukan proses penghasilan produk inovasi iaitu aplikasi EZ Faraid. Proses penghasilan produk inovasi (EZ Faraid) adalah menggunakan microsoft powerpoint yang menjadi asas utama kepada produk inovasi ini. Dalam microsoft powerpoint ia mengandungi nota atau pengenalan tentang faraid dan juga permainan animasi. Hyperlink sebagai pengantara pada setiap bahagian. Pengkaji juga menggunakan microsoft excel bagi menghasilkan cara pengiraan pembahagian harta faraid.

Secara khususnya, kajian ini mendedahkan bahawa teknologi animasi yang digunakan mampu menambah kefahaman dan pengetahuan pelajar malah lebih berkesan dengan konsep pembelajaran terkini. Walaupun terdapat pelbagai masalah teknikal yang dikenal pasti dalam penggunaan aplikasi EZ Faraid namun ia tidak menjejaskan atau mengganggu proses penambahbaikannya.

Hasil dapatan kajian daripada analisis keberkesanan, pihak pengkaji mendapati bahawa majoriti responden berpuas hati dengan produk yang pihak pengkaji hasilkan iaitu aplikasi EZ Faraid dan kajian ini dapat disampaikan mengikut keperluan yang diperlukan.

5.3 CADANGAN

Hasil daripada kajian ini terdapat, beberapa cadangan turut diberikan kepada beberapa pihak yang berkaitan. Antara pihak tersebut ialah pelajar (responden utama kajian), pihak ahli akademik dan pihak politeknik.

5.3.1 Cadangan kepada pelajar (responden utama kajian)

Berdasarkan keseluruhan kajian ini, pengkaji mencadangkan supaya hasil kajian ini dijadikan rujukan sumber utama dalam isu kurangnya kefahaman tentang faraid dalam pelajaran. Dengan ini dapat memanfaatkan ilmu dalam kehidupan seharian.

5.3.2 Cadangan kepada ahli akademik

Hasil daripada kajian ini, pengkaji berharap dapat menjadikan kajian ini sebagai rujukan. Dengan ini, pengkaji mencadangkan kepada ahli akademik agar terus melaksanakan penyelidikan berkaitan dengan isu kurangnya kefahaman tentang ilmu dan pembahagian harta faraid. Justeru, dapat menambahbaik kekurangan yang ada serta mengembangkan lagi perkara

ini. Di samping itu, pengkaji juga berharap agar pihak ahli akademik dapat menghasilkan aplikasi yang lebih baik dan bersesuaian dengan konsep pembelajaran.

5.3.3 Cadangan kepada pihak Politeknik

Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji mencadangkan kepada pihak Politeknik agar menjadikan kajian ini sebagai panduan untuk kalangan pelajar walaupun program pengajian yang berbeza terutamanya pelajar yang beragama Islam.

5.3.4 Cadangan kepada pengkaji pada masa akan datang

Hasil daripada keseluruhan kajian ini, pengkaji mencadangkan kepada pengkaji pada masa akan datang agar menghasilkan lebih banyak artikal atau jurnal yang berkenaan isu-isu faraid serta lebih menekankan konsep pembelajaran yang lebih meluas sama ada diperingkat rendah atau tinggi dan dapat menghasilkan produk inovasi yang senang dijadikan panduan kepada orang ramai.

5.4 LIMITASI PROJEK

Projek yang dijalankan berfokuskan penghasilan aplikasi EZ Faraid. Skop projek ini hanya tertumpu kepada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam. Oleh sebab itu, terdapat beberapa faktor yang menghalang pengkaji untuk mengkaji secara menyeluruh berkenaan kajian keberkesanan aplikasi EZ Faraid adalah kurangnya kemahiran dalam menghasilkan produk yang berasaskan teknologi digital. Selain itu, masalah rangkaian internet yang menyukarkan perbincangan secara virtual.

Seterusnya, kos yang agak tinggi juga merupakan penghalang bagi pengkaji untuk menjalankan kajian di tempat-tempat yang lebih luas dalam mencapai objektif kajian yang pengkaji jalankan.

5.5 RUMUSAN

Secara keseluruhannya pengkaji merumuskan bahawa objektif yang telah ditetapkan tercapai. Oleh itu, dalam penghasilan aplikasi EZ Faraid mempunyai cabaran dan peranan yang penting perlu dimainkan dalam menentukan kejayaan aplikasi EZ Faraid ini. Tidak sewajarnya, hanya menjadi pengguna dan pengkritik malah seharusnya meneroka dengan lebih mendalam lagi tentang perkara ini. Walaupun begitu, aplikasi EZ Faraid ini dapat memenuhi keperluan terutamanya pelajar dalam pembelajaran faraid kerana dalam setiap pembelajaran memerlukan konsep belajar yang komprehensif dan efisien.

Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa aplikasi EZ Faraid yang dihasilkan adalah seiring dengan era ledakan teknologi dan seterusnya dapat memberi kesan kepada pembelajaran pelajar.